

04 AUG 2002

Chong-Kerusi/I

KOMPONEN BN SABAH AKUR DENGAN PERUNTUKAN KERUSI

KOTA KINABALU, 4 Ogos (Bernama) -- Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah akan akur dengan jumlah kerusi yang diperuntukkan kepada mereka pada pilihan raya umum akan datang, kata Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat hari ini.

Chong yang juga pengerusi BN Sabah berkata adalah perkara biasa bagi mana-mana parti komponen mengharapkan lebih banyak kerusi diperuntukkan kepadanya, tetapi akhirnya, keputusan yang dibuat oleh pemimpin BN perlu dihormati.

"Ini (peruntukan kerusi) tidak pernah menjadi masalah dalam BN, apabila keputusan dibuat, semua perlu menghormatinya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kembara Merdeka 2002 peringkat negeri di sini.

Chong berkata demikian apabila diminta mengulas permintaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada semua parti komponen BN baru-baru ini supaya menerima dengan hati terbuka jumlah kerusi yang diperuntukkan kepada mereka pada pilihan raya umum akan datang.

"Malah, tiada parti komponen yang ingin mendapat jumlah yang kurang, tapi akhirnya semangat tolak-ansur perlu diamalkan, dan ini sudah dibuktikan dalam BN," kata Chong.

Menyentuh perkara berasingan, Chong berkata kerajaan negeri menyokong kuat keputusan kerajaan pusat memperkenalkan semula penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran subjek Matematik dan Sains di semua sekolah kerajaan.

Bagaimanapun, beliau berkata langkah menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran kedua-dua subjek tersebut di sekolah rendah persendirian Cina perlulah terlebih dahulu mendapat pandangan pakar pendidikan dan mereka yang terlibat dalam bidang berkenaan.

-- BERNAMA

NT SP MAI